

Surat Bantahan

Antikan Bato Kelana

Sungai Ujong

OLEH

WARIS BIDUANDA DUSUN.

Bertarikh: 7 hb. Safar 1406
22 hb. Okt. 1985.

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Badan Tubuh Undang,
Negeri Sembilan.
2. YTM Undang Luak Jelebu,
Balai Undang Luak Jelebu.
3. YTM Undang Luak Rembau,
Balai Undang Luak Rembau.
4. YTM Undang Luak Johol,
Balai Undang Luak Johol.
5. YTM Tengku Besar Tampin,
Tampin.
6. YTM Dato' Shahbandar Sungai Ujung,
Kuala Sawah, Rantau.

YTM,

BANTAHAN MELANTIK BAKAL UNDANG LUAK
SUNGAI UJUNG.

Yang mulia tuan Badan Tubuh Undang Negeri Sembilan.

Adalah kerapatan mencari bulat (bulat air kerana pemetong, bulat maanusia kerana muafakat) menyandang pesaka Kelana Sungai Ujung pada 8/10/1985 di-Istana Hinggap Seremban tidak sah.

2. Mengikut saluran adat Sungai Ujung, Dato' Lembaga serta tiang balai tidak meneliti orang yang dicalunkan menyandang pesaka Kelana Sungai Ujung (Raja Rahim bin Raja Razak). Mengikut sejarah Kelana Sungai Ujung Raja tidak boleh menyandang pesaka Kelana. Raja hanya menyandang pesaka Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan atau Tunku Besar Tampin (mahukah Raja menyandang pesaka Sakai) jatuh mertabat Raja..

3. Kesalahanya aleh bakar bersama soko tuanya pada 13/10/1979 iaitu pada Hari Raya Puasa telah mencampakan pesakanya ke bumi (iaitu kebesaran yang ada dirumahnya) dan menghalau Dato' Dato' Lembaga Pantai membuat istiadat bagi tiap-tiap satu Hari Raya ditelapaknya. Perbuatan itu adalah menderhaka pada adat dan menghina adat, (bolehkah orang yang menderhaka kepada adat menyandang pesaka adat ?). Dato' Dato' tiang balai serta Dato' Lembaga, saya ingin bertanya adakah perkara ini bergeler atau satu perut sahaja ? , sedangkan Raja Abdul Rahim bin Raja Razak tidak mempunyai buapak atau Dato' Lembaga yang sah, mengapa pula dia boleh dicalunkan menyandang pesaka Kelana.

4. Adat berundang pesaka bergeler, adat Raja pesaka berketurunan, adakah Raja Rahim ini mengikut giliran sedangkan perut waris Rumah Gedangbaru menyandang pesaka iaitu Dato' Kelana Maamor 1889 - 1945 dan ada yang lebih lama lagi belum menyandang pesaka iaitu Dato' Kelana Sendeng waris Dusun 1850 - 1872. Adakah perut waris di Hulu tunggal, hanya perut Rumah Gedang sahaja ? dan dimanakah waris yang lain seperti waris Dusun (waris tua), waris Maya dan waris Nyonyoi. Adakah Dato' Dato' tiang Balai serta Dato' Dato' Lembaga mengajak waris yang 3 itu berunding untuk menyerahkan pesaka ini kepada waris Rumah Gedang.

Adakah waris Rumah Gedang sahaja yang boleh menyandang pesakaKelana. Bagaimana tentang waris lain, tidak langsung diberi peluang (kok bodoh sudah ada yang pandai, kok buta sudah ada yang celek, kok pekak sudah ada yang dengar, kok hilang sudah berjumpa, kok terbakar sudah ada salinanya). Dato' Lembagaberserta tiang balai memelihara adat, bukan untuk memutar belitkan adat, yang berhak tetap berhak, janganlah dicampurkan atau diadukan adat politik dan adat wang, dimana letaknya kemuliaan dan kebahagiaan adat.

Sekian sahaja, terima kaseh.

DATO BATIN,
PEMEGANG AMANAH PUSAKA DATO KELANA PUTRA,
UNDANG LUAK SUNGAI UJUNG.

s.k.


1. Dato Nika Menalika
2. Dato Akhir Zaman
3. Dato' Dagang
4. YAB Dato Menteri Besar, N.S.
5. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
6. Tuan Pegawai Daerah Seremban
7. Tuan Pegawai Daerah Port Dickson

Nota:

Mungkir janji - Tidak Amanah - Penipuan - Putar belit adalah perbuatan munafik merupakan jenayah yang paling besar - jijik - kotor - hina dan tidak bermaruah ianya meletakkan peribadi bagitu rendah sukar ditebusi dengan apa jua cara sekalipun.

Sepanjang hayat WARIS di darat tidak pernah mengalami krisis. Krisis yang ada direka, dibentuk dan diproses dilaksanakan oleh PENGADAI PESAKA kerana bersikap Nafsu besar Tenaga kurang.

Yang Benar,



(WARIS BIDUANDA DUSUN)
SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN.